

MAHATHIR-ABAD

1980

KUALA TRENGGANU, 14 NOV (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGAJAK UMAT ISLAM DI NEGARA INI MENYAMBUT ABAD KE 15 HIJRAH DENGAN MENENTUKAN AZAM UNTUK MEMBENTUK MASA DEPAN YANG LEBIH CEMERLANG.

139

BELIAU MENYERU MEREKA SUPAYA MENJALANKAN LANGKAH-LANGKAH YANG POSITIF UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU KERANA MEREKA BOLEH BERJAYA SEKIRANYA BENAR-BENAR BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM.

TIMBALAN PERDANA MENTERI TELAH BERUCAP MELANCARKAN SAMBUTAN ABAD KE 15 HIJRAH ANJURAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO MALAYSIA DENGAN KERJASAMA PEMUDA UMNO NEGERI TRENGGANU DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, DI SINI HARI INI.

KETUA PERGERAKAN ITU HAJI SUHAIMI DATUK HAJI KAMARUDDIN, SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK HAJI MUSTAPHA JABAR DAN WAKIL MENTERI BESAR TRENGGANU, DATUK HAJI ABU BAKAR DAUD, TURUT HADIR DI UPACARA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU UMAT ISLAM MENAMBAH ILMU PENGETAHUAN DALAM SEGALA BIDANG YANG BOLEH MEMBAWA KEBAHAGIAAN KEPADA MEREKA UNTUK MENGHADAPI CABARAN HIDUP.

BELIAU MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA BERWASPADA TERHADAP AJARAN YANG MENYELEWENG YANG AKHIRNYA MUNGKIN MEMBAWA PERSENGKETAAN SESAMA UMAT ISLAM. —BERSAMBUNG 1306/AH

MAHATHIR-ABAD 2 KUALA TRENGGANU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEDATANGAN ABAD KE 15 HIJRAH HARUSLAH DIJADIKAN SUATU TINGKATAN MASA UNTUK UMAT ISLAM MENOLEH KEBELAKANG DAN MENGAJAI SEJARAH KEBANGKITAN DAN KEJATUHAN UMAT ISLAM YANG LALU.

KATANYA DENGAN MENGAJAI FAKTOR-FAKTOR SEJARAH ITU, MEREKA AKAN DAPAT MENYEDARI DARI MANA MEREKA DATANG DAN DENGAN ITU MERANCANG ARAH TUJUAN MEREKA DENGAN LEBIH TERJAMIN.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA ISLAM MENGGALAKKAN UMATNYA MEMPELAJARI BERBAGAI ILMU PENGETAHUAN KERANA IANYA MEMBERI KESAN KEPADA PERKEMBANGAN UGAMA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN ILMU PENGETAHUANLAH UMAT ISLAM DAPAT MENJADI SATU UMAT YANG MEMPUNYAI KEKUATAN UNTUK MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN DAN AGAMA MEREKA.

BELIAU BERKATA TIDAK SALAH BAGI ORANG-ORANG ISLAM MELUASKAN PENGETAHUAN KERANA INI BUKAN BERERTI BAHAWA MEREKA AKAN MELUPAI SOAL-SOAL AGAMA YANG LAIN.

DENGAN ILMU PENGETAHUAN BUKAN BERMAKSUD UMAT ISLAM HENDAK MENINDAS ORANG-ORANG LAIN TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MEMPERTAHANKAN DIRI MEREKA DARI CABARAN HIDUP. —BERSAMBUNG 1311/AH

B531

MAHATHIR—ABAD 3 KUALA TRENGGANU

BELIAU BERKATA PADA MASA INI TERDAPAT DI KALANGAN UMAT ISLAM MEREKA YANG MENGELUARKAN PENDAPAT-PENDAPAT YANG BOLEH MEMBINASAKAN UMAT ISLAM SENDIRI ATAU AJARAN-AJARAN YANG MENJADIKAN MEREKA MUNDUR.

KATANYA BILA KERAJAAN BERUSAHA MENYEKAT AJARAN-AJARAN TERSEBUT DARI TERSEBAR, ADA PULA KALANGAN YANG MENUDUH KONONNYA KERAJAAN CUBA MENYEKAT PERKEMBANGAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKARANG SATU KESEDARAN BARU TELAH TIMBUL DARI PERISTIWA SERANGAN OLEH SATU KUMPULAN PENYELEWENG ISLAM KE ATAS BALAI POLIS BATU PAHAT DAN YANG TURUT MELIBATKAN ORANG-ORANG YANG TIDAK MELAKUKAN APA-APA TERHADAP MEREKA.

PEISTIWA ITU MENUNJUKKAN ADANYA KEMUNGKINAN YANG AJARAN SESAT BOLEH BERKEMBANG HINGGA MEMBINASAKAN UMAT ISLAM SENDIRI.

BELIAU MENGINGATKAN KEMUNGKINAN ADANYA KUMPULAN YANG SUDAH TERPENGARUH DENGAN AJARAN SEPerti YANG TERDAPAT DI BATU PAHAT ITU, DI TEMPAT-TEMPAT LAIN DI NEGARA INI.

PERKEMBANGAN SEPerti ITU AAKHIRNYA MUNGKIN AKAN MEMBAWA KEPADA PEPERANGAN SESAMA SENDIRI, TAMBAHNYA. —BERSAMBUNG 1440/MD

MAHATHIR-ABAD 4 KUALA TRENGGANU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MUNGKIN ADA ORANG YANG MENGA-  
TAKAN HAL ITU MUSTAHIL BERLAKU TETAPI APA YANG BERLAKU DI  
NEGARA-NEGARA ISLAM YANG LAIN MENUNJUKKAN BAHAWA APA YANG  
DIANGGAP MUSTAHIL PADA SUATU MASA, BERLAKU DI SUATU MASA YANG LAIN. 140

BELIAU MENGGESA ORANG-ORANG ISLAM MEMIKIRKAN SAMA ADA  
MEREKA BENAR-BENAR MEMATUHI AJARAN ISLAM SUPAYA MEREKA  
BEKERJA, Mencari ilmu, berdisiplin dan mematuhi pemimpin mereka.

KATANYA SEMUA INI PERLU DIKAJI SUPAYA MEREKA DAPAT KEMBALI  
KE JALAN YANG BENAR DAN MENCAPAI KEGEMILANGAN YANG PERNAH  
DINIKMATI OLEH UMAT ISLAM DAHULU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SELAGI MEREKA MENUMPUKAN  
KEPADA SOAL-SOAL TITIK BENGEK DAN BERTINDAK TANPA MENGIKUT  
AJARAN ISLAM YANG SEBENAR, AKIBATNYA MEREKA AKAN MENGHADAPI  
MASA DEPAN YANG AMAT BURUK.

KATANYA, SEMUA INI DAPAT DITENTUKAN UMAT ISLAM SENDIRI - SAMA  
ADA MEREKA MAHU MAJU ATAU MUNDUR DAN TERUS DIKUASAI OLEH  
ORANG-ORANG LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ORANG-ORANG ISLAM MESTILAH  
MENUNJUKKAN Tauladan yang agama Islam tidak menyekat kemajuan malah  
membawa kebahagiaan sekiranya mereka mahu orang-orang lain  
menghormati mereka. —BERSAMBUNG 1446/MD

B533

MAHATHIR-ABAD 5 KUALA TRENGGANU

BELIAU BERKATA SOALNYA SEKARANG, ADAKAH MEREKA MENUNJUKKAN  
Tauladan seperti itu atau menjauhkan orang-orang lain dari  
agama Islam dengan tindakan mereka yang tidak sejajar dengan  
kehendak Islam.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM MEMPUNYAI PELUANG  
YANG BAIK HARI INI, DENGAN KEKAYAAN DAN KUASA POLITIK YANG  
ADA PADA MEREKA, UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN ISLAM DI MASA  
DEPAN.

BELIAU BERKATA MEREKA AKAN MUDAH DIKUASAI OLEH ORANG-ORANG  
ASING JIKA MEREKA TIDAK MAMPU MEMPERTAHANKAN DIRI.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA INI  
BERNASIB BAIK KERANA PERKARA SEPERTI ITU TIDAK BERLAKU TETAPI UMAT  
ISLAM MESTILAH MEMBINA KEKUATAN MEREKA SEBAGAI PERSEDIAAN.

TERDAHULU DARI ITU, KETIBAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
TELAH DI BERIKAN SAMBUTAN MERIAH DI LAPANGAN TERBANG TELAGA  
BATIN, KERA-KIRA 13 BATU DARI SINI TERMASUK OLEH SATU PERBA-  
RISAN 200 ORANG AHLI PERGERAKAN PEMUDA UMNO.

SAMBUTAN ITU DISERTAI OLEH KIRA-KIRA 500 ORANG AHLI PERGERAKAN  
PEMUDA UMNO DARI SELURUH NEGARA. IANYA AKAN DITUTUP OLEH  
MENTERI BESAR TRENGGANU, DATUK HAJI WAN MOKHTAR AHMAD, ESOK.

—BERNAMA 1451/MD